



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

**Dokumen Sebutharga
No.Sebutharga: Bil. PSUKPP/61/2016**

**“MEMBEKAL, MENJAHIT DAN MENGHANTAR
PAKAIAN SERAGAM BAGI
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
PULAU PINANG
TAHUN 2017”**

Tarikh Tutup:

7 SEPTEMBER 2016

URUS SETIA

**BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN KEWANGAN
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

**TAJUK : MEMBEKAL, MENJAHIT DAN MENGHANTAR
PAKAIAN SERAGAM BAGI KERAJAAN NEGERI
PULAU PINANG TAHUN 2017**

NO. SEBUTHARGA: Bil. PSUKPP/61/2016

Arahan-Arahan Kepada Penyebut Harga :

Sila ambil perhatian bersama-sama ini dilampirkan arahan-arahan berikut:-

- Lampiran A : Kenyataan Tawaran Sebut harga
- Lampiran B : Senarai Semak Dokumen Wajib Sebutharga
- Lampiran C : Arahan Kepada Penyebut Harga
- Lampiran D : Syarat-syarat Am Sebut Harga
- Lampiran E : Spesifikasi
- Lampiran F : Borang Maklumat Diri Pemilik Syarikat
- Lampiran G : Kedudukan Kewangan Pemilik Syarikat
- Lampiran H : Borang Sebut harga Lampiran Q
- Lampiran I : Senarai Kerja/Perkhidmatan Yang Sedang dan telah Dilaksanakan
- Lampiran J : Surat Akuan Pembida
(SPP 10 Tahun 2010 bertarikh 16 Disember 2010)
- Lampiran K : Surat Akuan Pembida Berjaya
(SPP 10 Tahun 2010 bertarikh 16 Disember 2010)

LAMPIRAN A



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

KENYATAAN TAWARAN

NO. SEBUTHARGA : Bil. PSUKPP/61/2016

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang berkaitan:

- | | | |
|--------|---|-----------------------------------------------------|
| 020801 | - | Pakaian ; dan |
| 020804 | - | Pakaian Keselamatan, Kelengkapan dan Aksesori ; dan |
| 222401 | - | Menjahit Pakaian dan Kelengkapan |

serta masih sah tempoh lakunya dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi perkhidmatan berikut:

“ MEMBEKAL, MENJAHIT DAN MENGHANTAR PAKAIAN SERAGAM BAGI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2017 ”

2. Dokumen sebut harga boleh dibeli dengan harga **RM10.00** secara *online* dan dimuat turun melalui Sistem Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (sysP) mulai **24 Ogos 2016 (Rabu)**.
3. Dokumen Sebut Harga yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan No. Sebut Harga di sebelah kanan atas sampul surat. Dokumen sebut harga tersebut mestilah sampai sebelum @ pada 7 September 2016 (Rabu) jam 12.00 tengah hari dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang**. Setiap tawaran harga adalah sah bagi tempoh **90 hari** dari tarikh peti sebut harga ditutup.

4. **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan Tawaran Sebut Harga di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor terbabit. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah/tertinggi atau sebarang tawaran. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

5. Iklan ini juga boleh diakses melalui laman web <http://ep.penang.gov.my>

Y.B. Setiausaha Kerajaan
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Pulau Pinang

LAMPIRAN B

SENARAI SEMAK DOKUMEN WAJIB SEBUT HARGA

NO. SEBUT HARGA : Bil. PSUKPP/61/2016

**“ MEMBEKAL, MENJAHIT DAN MENGHANTAR PAKAIAN SERAGAM
BAGI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
TAHUN 2017 ”**

Sila tandakan dalam kotak yang disediakan bagi perkara-perkara yang wajib disertakan/disempurnakan seperti berikut.

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Di Tanda Oleh Syarikat	Untuk Di Tanda Oleh J/Kuasa Pembuka Sebut Harga
1	Dokumen Sebut Harga telah dilengkapkan sepenuhnya.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2	Salinan fotostat resit pembelian dokumen Sebut Harga yang masih sah tempohnya.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3	Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4	Salinan Sijil Kementerian Kewangan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5	Borang Maklumat Diri Pemilik (LAMPIRAN F) beserta profail syarikat	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6	Kedudukan Kewangan Pemilik Syarikat (LAMPIRAN G)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7	Borang Sebut Harga LampiranQ (LAMPIRAN H)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8	Spesifikasi (LAMPIRAN E)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9	Senarai Kerja/Perkhidmatan Yang Sedang dan Telah Dilaksanakan (LAMPIRAN I)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10	Surat Akuan Pembida (LAMPIRAN J)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
11	Penyata Akuan Bank terkini Syarikat (3 bulan berturut-turut) bagi bulan Mei,Jun dan Julai 2016	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
12	Salinan profail syarikat yang lengkap yang menunjukkan pengalaman, jumlah pekerja dan kepakaran berkaitan dengan tawaran sebut harga.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Di Tanda Oleh Syarikat	Untuk Di Tanda Oleh J/Kuasa Pembuka Sebut Harga
13	WAJIB mengemukakan contoh kain dengan jenama dan warna yang ditawarkan semasa menghantar dokumen sebut harga.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Pengesahan Oleh Syarikat	Untuk Kegunaan Pejabat
Dengan ini saya mengesahkan saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.	Jawatan kuasa Pembuka Sebut Hargamengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara Bil.....(jika ada)
Tandatangan :	Tandatangan :
Nama :	Nama :
Jawatan :	Jawatan :
Tarikh :	Tarikh :
Cop Syarikat :	Tandatangan :
	Nama :
	Jawatan :
	Tarikh :

LAMPIRAN C

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. PERIHAL SEBUT HARGA

Sebut harga ini adalah bagi perkhidmatan ‘Membekal, Menjahit dan Menghantar Pakaian Seragam Bagi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2017’.

2. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/ MENOLAK SEBUT HARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah/ tertinggi atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

3. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

Penyediaan Sebut Harga

- 3.1 Penyebut harga hendaklah membaca arahan-arahan dan syarat-syarat dalam dokumen sebut harga serta menyemak kandungan dokumen sebut harga dengan teliti sebelum mengisi borang-borang sebut harga. Satu resit pembelian sebut harga hanya dibenarkan bagi satu dokumen sebut harga sahaja dan setiap syarikat yang menyertai hanya boleh mengemukakan satu dokumen sebut harga dengan satu tawaran harga sahaja. Sekiranya terdapat lebih daripada satu dokumen sebut harga dikemukakan maka hanya dokumen yang terawal dibuka oleh Jawatankuasa Pembuka Peti Sebut Harga diterima untuk penilaian selanjutnya. Penyebut Harga diminta mengemukakan hanya satu tawaran harga sebut harga sahaja.
- 3.2. Borang sebut harga hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas mengikut ruangan-ruangan yang disediakan. Borang-borang tersebut hendaklah seboleh-bolehnya ditaip. Jika ditulis tangan, tulisan hendaklah jelas dan boleh dibaca.
- 3.3. Penyebut harga perlu mengemukakan contoh kain (jenama dan warna) yang akan ditawarkan bersama-sama dengan dokumen sebut harga.

4. BORANG MAKLUMAT DIRI PEMILIK SYARIKAT (LAMPIRAN F)

Penyebut Harga adalah dikehendaki mengisi dan menandatangani borang ini. Sekiranya borang ini tidak diisi dan ditandatangani oleh pemilik syarikat, tawaran penyebut harga menjadi tidak sah dan dengan sendirinya tertolak.

5. BORANG SEBUT HARGA LAMPIRAN Q (LAMPIRAN H)

Borang ini perlu ditandatangani dan dicop oleh pemilik syarikat sebagai penyebut harga. Borang yang tidak bertandatangan atau tidak ditandatangani oleh pemilik syarikat atau tidak bercop adalah tidak sah dan akan ditolak.

6. PEMBETULAN DAN PINDAAN KESILAPAN

6.1 Semua pembetulan/pindaan ke atas kesilapan-kesilapan yang dibuat terutamanya dalam Jadual Harga hendaklah ditandatangani ringkas oleh orang yang menandatangani dokumen sebut harga serta dicopkan dengan cop penyebut harga (syarikat). Tandatangan ringkas ini hendaklah dibuat setentang dengan kesilapan yang dibetulkan/dipinda. Pembetulan/pindaan hendaklah dibuat dengan jelas supaya mudah dibaca.

7. PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA

7.1 Penyebut Harga adalah dikehendaki mengembalikan dokumen sebut harga yang telah diisi dengan lengkap dan ditandatangani oleh pemilik syarikat. Senarai dokumen perlu dikembalikan iaitu :

7.1.1 Borang Maklumat Diri Pemilik Syarikat (**LAMPIRAN F**)

7.1.2 Kedudukan Kewangan Pemilik Syarikat (**LAMPIRAN G**)

7.1.3 Borang Sebut Harga Lampiran Q (**LAMPIRAN H**)

7.1.4 Senarai Perkhidmatan Yang Sedang Dilaksanakan (**LAMPIRAN I**)

7.1.5 Surat Akaun Pembida (**LAMPIRAN J**)

(SPP 10 tahun 2010 bertarikh 16 Disember 2010)

7.1.6 Salinan resit pembelian dokumen Sebut Harga dari sysP.

7.1.7 Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) (kegagalan penyebutharga mengemukakan sijil ini ditakrifkan sebagai bertaraf 'Bukan Bumiputera') dan Perakuan Pendaftaran/Pembaharuan Syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

- 7.1.8 Penyata Akaun Bank terkini Syarikat (3 bulan berturut-turut) bagi bulan **Mei, Jun dan Julai 2016**.
- 7.1.9 Salinan profail syarikat yang lengkap yang menunjukkan pengalaman, jumlah pekerja dan kepakaran berkaitan dengan tawaran sebut harga.
- 7.1.10 Contoh kain dengan jenama dan warna yang ditawarkan oleh Penyebut harga

8. PENYERAHAN DOKUMEN SEBUT HARGA

- 8.1 Dokumen sebut harga yang lengkap dengan perkara-perkara di 7.1 hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditanda pada bahagian atas sampul surat itu dengan butir-butir berikut :-

Bil Sebut Harga : Bil. PSUKPP/61/2016

Tajuk Sebut Harga : Membekal, Menjahit dan Menghantar Pakaian Seragam Bagi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2017

Alamat : Y.B. Setiausaha Kerajaan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
Bahagian Khidmat Pengurusan & Kewangan
Paras 25, KOMTAR
10503 PULAU PINANG
- 8.2 Sebut Harga yang dihantar dengan tangan hendaklah dimasukkan sendiri oleh penyebut harga ke dalam peti sebut harga yang disediakan di **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang** pada waktu pejabat tidak lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan. Sebut harga yang lewat tidak akan diterima.

- 8.3 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak akan bertanggung jawab di atas kehilangan dokumen-dokumen sebut harga yang diantar :-
- i. Hantar Sendiri Dengan Tangan
Memasukkan dokumen sebut harga dalam peti sebut harga yang salah.
 - ii. Melalui Pos/Agen Penghantaran
Hilang semasa dalam perjalanan pos atau penghantaran.
- 8.4 Penyebut Harga menanggung sendiri semua kos yang terlibat berhubung dengan sebut harga yang disertainya.

9. PENJELASAN LANJUT

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, Penyebut Harga boleh menghubungi Pegawai Inden untuk penjelasan lanjut.

10. PERINGATAN MENGENAI RASUAH

Selaras dengan usaha kerajaan untuk mencegah dan membendung perlakuan rasuah, berikut disenaraikan peringatan mengenai kesalahan rasuah :

- 10.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 10.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota perkhidmatan awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Badan Pencegah Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

- 10.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 10.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barang dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

11. PELAKSANAAN INTEGRITI PACT

- 11.1 *Kesemua penyebut harga yang menghantar dokumen sebut harga hendaklah menandatangani **Surat Akuan Pembida** bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. PTJ hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida juga dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama dokumen tawaran penyebut harga adalah seperti di **Lampiran J**. Surat Akuan Pembida adalah dokumen wajib yang perlu disertakan bersama dokumen tawaran penyebut harga.*
- 11.2 *Penyebut harga yang berjaya menandatangani **Surat Akuan Pembida Berjaya** bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Format Surat Akuan Pembida Berjaya adalah seperti di **Lampiran K**. PTJ hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida Berjaya juga dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama Surat Setuju Terima/Pesanan Tempatan.*

12. TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Sebut harga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebut harga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan akan diambil sekiranya penyebut harga menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

LAMPIRAN D

SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA

1. TAFSIRAN

(a) Pegawai Penguasa

Pegawai Penguasa yang disebutkan dalam syarat-syarat sebut harga ini ialah Ketua Jabatan, Ketua Jabatan Pejabat Setiausaha Kerajaan atau mana-mana pegawai yang dilantik oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan memikul tanggungjawab Ketua Jabatan kemudian dari ini digelar “PSUKPP”.

(b) Wakil Pegawai Penguasa

Wakil Pegawai Penguasa ertinya mana-mana orang atau orang-orang yang telah diwakilkan atau dibenarkan dari semasa ke semasa oleh Pegawai Penguasa untuk menjalankan mana-mana atau semua kewajipan Pegawai Penguasa.

(c) Kerja

Kerja yang dimaksudkan adalah seperti ditunjukkan dalam Ringkasan Sebut Harga, Spesifikasi dan lukisan-lukisan yang disebut/disertakan.

(d) Kontraktor

Kontraktor ertinya orang atau orang-orang perkongsian firma atau syarikat yang menyebut harga untuk perkhidmatan/kerja dan telah di setuju terima dan ‘kontraktor’ membawa erti dan termasuk wakil-wakil peribadi kontraktor penggantinya dan mana-mana orang atau kumpulan orang lain yang kepadanya kontraktor telah menyerah hak yang telah mendapat kelulusan Pegawai Penguasa.

2. KONTRAK

Satu kontrak dikira mengikat diantara PSUKPP dengan kontraktor yang Sebut harganya ini di setuju terima dan tertakluk kepada syarat-syarat Sebut Harga.

3. PERCANGGAHAN DALAM BORANG TAWARAN SEBUT HARGA

Kontraktor hendaklah merujuk kepada Pegawai Pengguna untuk mendapatkan keputusan sekiranya kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Borang Tawaran Sebut Harga.

4. MENGHALANG DARI MEMASUKI SEBUT HARGA

Dalam mana-mana hal pun PSUKPP tanpa menyentuh apa-apa hak lain berhak menghalang kontraktor dari mengambil bahagian dalam mana-mana kerja yang dikendalikan oleh PSUKPP hingga satu masa mengikut budi bicara PSUKPP dan hanya apabila persetujuan bertulis PSUKPP telah terlebih dahulu diterima oleh Kontraktor.

- a) Menarik balik sebut harga sebelum tamat tempoh sah sebut harga atau apa-apa tempoh lanjutan atau
- b) Mengenakan had, syarat atau perjanjian tambahan selepas tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan sebut harga (dan dalam hal yang sedemikian ianya hendaklah disifatkan sebagai penarikan balik sebut harga ini) atau
- c) Jika kontraktor enggan dan tidak meneruskan kerja-kerja dalam masa empat belas hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam surat setuju terima sebut harga.

5. MENYERAH HAK KERJA

Keseluruhan kontrak yang dipersetujui kontraktor di sini tidak boleh dipindah kepada mana-mana pihak yang lain, juga Kontraktor tidak dibenarkan menyerah hak sepenuhnya, sebahagian maupun mana-mana bahagian kerja-kerja kepada kontraktor-kontraktor lain. Berkaitan dengan yang sama, kontraktor memberi akuanjinya di sini tidak akan menyerah hak apa-apa faedah di bawah kerja ini tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada Pegawai Pengguna.

6. PERATURAN PERLAKSANAAN

Perkhidmatan yang dilaksanakan hendaklah mematuhi spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebut Harga dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Borang Tawaran Sebut Harga Kerja ini dan arahan Pegawai Pengguna atau wakilnya.

7. ARAHAN PEGAWAI PENGUASA ATAU WAKILNYA

Kontraktor hendaklah dengan serta merta mematuhi semua arahan yang dikeluarkan kepadanya oleh Pegawai Penguasa atau wakilnya untuk menyempurnakan dan menyiapkan kerja termasuk semua arahan untuk kerja-kerja tambahan dan pindaan.

- a) PSUKPP berhak melantik seorang pegawai yang akan bertanggungjawab, mengkaji, mengawasi perkembangan dan arah tujuan Kontrak yang dikendali oleh Kontraktor dari semasa ke semasa (kemudian ini bergelar "Pegawai Penguasa").
- b) Pegawai Penguasa, Pengganti dalam jawatan atau pegawai yang dilantiknya, atau wakilnya adalah layak untuk mengeluarkan arahan, pesanan, apa-apa notis termasuk pindaan dan tambahan dan tidak terhad juga kepada notis penamatkan kerja/kontrak ini, bagi pihak PSUKPP kepada kontraktor, sama ada secara bertulis mahupun secara lisan.
- c) Kontraktor mengakui akan menuruti dan mematuhi segala arahan, pesanan, notis untuk pindaan dan/atau tambahan, dan apa-apa notis sekalipun yang mungkin diterima daripada Pegawai Penguasa, pengganti dalam jawatan atau pegawai yang dilantiknya, wakilnya yang bertindak bagi pihak Pegawai Penguasa dan berkaitan dengan yang sama hendaklah (sekiranya terpakai) dengan serta merta mematuhi semua arahan, pesanan dan notis-notis yang dikeluarkan bagi menyempurnakan dan pelaksanaan kerja yang dikehendaki.

8. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN KERJA OLEH PEGAWAI PENGUASA

Pegawai Penguasa atau wakilnya berhak menolak bahan, barang dan kerja oleh kontraktor yang tidak mematuhi spesifikasi, dan/atau lukisan. Bahan-bahan binaan dan kerja yang ditolak hendaklah diganti atau dibina semula dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh kontraktor sendiri.

9. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG KECIL, UNDANG-UNDANG BERKANUN OLEH KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah mematuhi semua undang-undang kecil yang berkenaan dan membayar semua yuran, caj dan lain-lain bayaran yang berkaitan. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos atau bayaran tambahan berhubung dengan pematuhaninya dengan syarat-syarat ini.

10. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR

PSUKPP berhak menamatkan kontrak ini di atas sebab-sebab berikut dan setelah menerima Surat Amaran daripada Pegawai Penguasa;

- a) Sekiranya kontraktor masih gagal menyiapkan kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.
- b) Kemajuan kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- c) Penggantungan perlaksanaan seluruh atau sebahagian kerja oleh kontraktor tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- d) Tidak mematuhi arahan Pegawai Penguasa tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- e) Apabila kontraktor diisyiharkan bankrap oleh pihak yang sah; dan

Dalam hal sekiranya pengambilan kerja kontraktor ditamatkan di bawah kontrak ini mengikut salah satu perenggan atau mana-mana perenggan campuran (sekiranya terpakai dari fasal (a) hingga (e) PSUKPP berhak:-

Menarik semula tawaran dan dengan demikian kontraktor hendaklah memberhentikan kerjanya dan PSUKPP boleh menyiapkan kerja itu secara langsung atau mengambil bekerja dan membayar seorang kontraktor atau mana-mana kontraktor lain mengikut budi bicara mutlak PSUKPP tanpa perlu rujukan lagi kepada kontraktor.

11. TEMPOH LIABILITI KECACATAN

- i) Kedua-dua pihak menetapkan Tempoh Liabiliti Kecacatan yang dipersetujui bagi siap kerja kepada enam (6) bulan sahaja, dikira dari tarikh siap kerja. Dalam tempoh seperti tersebut, Kontraktor hendaklah membaiki sebarang kecacatan yang mungkin timbul akibat kerja-kerja tersebut dengan seberapa segera. WALAU BAGAIMANA SEKALIPUN, tidak lewat dari tujuh (7) hari selepas diberitahu/penerimaan notis dari Pegawai Penguasa. **JUGA ADALAH DIPERSETUJUI**, tiada senarai kecacatan boleh dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa selepas tujuh (7) hari dari tamatnya Tempoh Liabiliti Kecacatan tersebut.

- ii) Di dalam keadaan sekiranya setelah pemberitahuan notis untuk pembetulan dan pemulihan kecacatan di serahkan kepada Kontraktor, namun Kontraktor gagal, enggan dan/atau mengabaikan untuk menyempurnakan yang sama dalam masa melebihi tempoh tujuh (7) hari yang dibenarkan mengikut Fasa 11 (i) di atas, Kontraktor memberi persetujuannya di sini bahawa, Pegawai Penguin adalah berhak bagi mendapatkan khidmat daripada pekerja, kontraktor, orang perseorangan yang lain atau sesiapa sahaja untuk menjalankan kerja-kerja pemulihan dan pembetulan dan dalam keadaan demikian segala kos, pembayaran dan upahan terhadap perkhidmatan seperti tersebut akan ditanggung sepenuhnya dan di kira sebagai hutang yang perlu di bayar dan/atau diselaraskan oleh Kontraktor kepada PSUKPP.

12. GANTI RUGI CAIR KERANA TIDAK SIAP/DENDA YANG DIPERSETUJUI KONTRAKTOR

Jika kontraktor tidak menyiapkan kerja pada tarikh siap yang ditetapkan atau dalam sesuatu masa lanjutan dan Pegawai Penguin memperakui secara bertulis bahawa pada pendapatnya kerja tersebut dengan munasabahnya sepatutnya telah siap, pemotongan bayaran hendaklah dibuat dari harga perjanjian dalam keadaan berikut :-

- (a) Tiada Pelaksanaan atau Pelaksanaan tidak lengkap perjanjian seperti yang ditetapkan seperti berikut :-
- (i) Kadar denda yang akan dikenakan adalah sebanyak **0.15%** untuk sehari lewat bermula dari **tarikh penyerahan/penyempurnaan**.

13. SURAT-MENYURAT DARI PENYEBUT HARGA YANG TIDAK BERJAYA

PSUKPP tidak akan melayan sebarang surat-menyurat daripada penyebut harga-penyeput harga mengenai sebab-sebab sebut harga mereka tidak berjaya.

14. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurnanya dan perakuan siap kerja dikeluarkan. Kontraktor diminta memajukan Pesanan Belian dan invois ke Pusat Tanggungjawab yang berkenaan.

Pengesahan Kontraktor

Syarat-syarat di atas telah dibaca dan saya/syarikat ini bersetuju dengannya.

Tandatangan & Cop

Nama Penuh :
No. K/P :
Alamat :
Tarikh :

SPESIFIKASI

Bil.	Perihal Perkhidmatan / Syarat-Syarat Khas	Bil. Perjawatan (orang)	Kuantiti Seorang (helai)	Jumlah Keseluruhan (helai)
1	Pembantu Operasi (Lelaki), Pembantu Awam (Lelaki) dan Pemandu Seluar Panjang Fabrik : <i>Lorrent</i> Warna : Hitam (<i>Black</i>) Spesifikasi : Poket di kedua-dua belah sisi dan dua dibahagian belakang. : Saku kecil dijahit dibahagian dalam sebelah kanan	$ \begin{array}{l} 78 + 67 + \\ 42 \\ = \\ 187 \end{array} $	3	561
2	Pembantu Operasi (Perempuan) dan Pembantu Awam (Perempuan) Seluar Panjang / Kain Labuh Fabrik : <i>Lorrent</i> Warna : Hitam (<i>Black</i>) Spesifikasi : Saku di kedua-dua belah sisi (Seluar Panjang)	$ \begin{array}{l} 7 + 7 \\ = \\ 14 \end{array} $	3	42
3	Pemandu Kemeja Lengan Pendek Fabrik : <i>Royale Koshibu</i> Warna : Putih (<i>White</i>) Spesifikasi : Bersaku kedua-dua belah paras dada : Lapik dalam kolar warna biru gelap (electric blue) : Lapik dalam hujung lengan baju warna biru gelap (electric blue) : Garisan alas butang (piping) warna biru gelap (electric blue) : Sulaman (embroidery) Jata Negeri di sisi kanan atas saku	42	3	126

4	<p>Pembantu Operasi (Lelaki) dan Pembantu Awam (Lelaki)</p> <p>Kemeja Lengan Pendek</p> <table border="1"> <tr> <td>Fabrik</td><td>:</td><td><i>Lorrent</i></td></tr> <tr> <td>Warna</td><td>:</td><td>Biru Air Laut (<i>Sea Blue</i>)</td></tr> <tr> <td rowspan="4">Spesifikasi</td><td>:</td><td>Bersaku kedua-dua belah paras dada</td></tr> <tr> <td>:</td><td>Lapik dalam kolar warna biru gelap (<i>electric blue</i>)</td></tr> <tr> <td>:</td><td>Hujung lengan serta garisan alas butang (<i>piping</i>) warna biru gelap (<i>electric blue</i>)</td></tr> <tr> <td>:</td><td>Sulaman (<i>embroidery</i>) Jata Negeri di sisi kanan atas saku</td></tr> </table>	Fabrik	:	<i>Lorrent</i>	Warna	:	Biru Air Laut (<i>Sea Blue</i>)	Spesifikasi	:	Bersaku kedua-dua belah paras dada	:	Lapik dalam kolar warna biru gelap (<i>electric blue</i>)	:	Hujung lengan serta garisan alas butang (<i>piping</i>) warna biru gelap (<i>electric blue</i>)	:	Sulaman (<i>embroidery</i>) Jata Negeri di sisi kanan atas saku	$\begin{aligned} 78 + 67 \\ = \\ 145 \end{aligned}$	3	435
Fabrik	:	<i>Lorrent</i>																	
Warna	:	Biru Air Laut (<i>Sea Blue</i>)																	
Spesifikasi	:	Bersaku kedua-dua belah paras dada																	
	:	Lapik dalam kolar warna biru gelap (<i>electric blue</i>)																	
	:	Hujung lengan serta garisan alas butang (<i>piping</i>) warna biru gelap (<i>electric blue</i>)																	
	:	Sulaman (<i>embroidery</i>) Jata Negeri di sisi kanan atas saku																	
5	<p>Pembantu Operasi (Perempuan) dan Pembantu Awam (Perempuan)</p> <p>Kemeja Lengan Panjang</p> <table border="1"> <tr> <td>Fabrik</td><td>:</td><td><i>Lorrent</i></td></tr> <tr> <td>Warna</td><td>:</td><td>Biru Air Laut (<i>Sea Blue</i>)</td></tr> <tr> <td rowspan="4">Spesifikasi</td><td>:</td><td>Lapik dalam kolar warna biru gelap (<i>electric blue</i>)</td></tr> <tr> <td>:</td><td>Garisan alas butang (<i>piping</i>) warna biru gelap (<i>electric blue</i>)</td></tr> <tr> <td>:</td><td>Sulaman (<i>embroidery</i>) Jata Negeri di sisi kanan atas saku</td></tr> </table>	Fabrik	:	<i>Lorrent</i>	Warna	:	Biru Air Laut (<i>Sea Blue</i>)	Spesifikasi	:	Lapik dalam kolar warna biru gelap (<i>electric blue</i>)	:	Garisan alas butang (<i>piping</i>) warna biru gelap (<i>electric blue</i>)	:	Sulaman (<i>embroidery</i>) Jata Negeri di sisi kanan atas saku	$\begin{aligned} 7 + 7 \\ = \\ 14 \end{aligned}$	3	42		
Fabrik	:	<i>Lorrent</i>																	
Warna	:	Biru Air Laut (<i>Sea Blue</i>)																	
Spesifikasi	:	Lapik dalam kolar warna biru gelap (<i>electric blue</i>)																	
	:	Garisan alas butang (<i>piping</i>) warna biru gelap (<i>electric blue</i>)																	
	:	Sulaman (<i>embroidery</i>) Jata Negeri di sisi kanan atas saku																	
	6	<p>Pemandu Lif</p> <p>Seluar Panjang</p> <table border="1"> <tr> <td>Fabrik</td><td>:</td><td><i>Lorrent</i></td></tr> <tr> <td>Warna</td><td>:</td><td>Biru Gelap (<i>Dark Blue</i>)</td></tr> <tr> <td rowspan="2">Spesifikasi</td><td>:</td><td>Poket di kedua-dua belah sisi dan dua dibahagian belakang.</td></tr> <tr> <td>:</td><td>Saku kecil dijahit dibahagian dalam sebelah kanan</td></tr> </table>	Fabrik	:	<i>Lorrent</i>	Warna	:	Biru Gelap (<i>Dark Blue</i>)	Spesifikasi	:	Poket di kedua-dua belah sisi dan dua dibahagian belakang.	:	Saku kecil dijahit dibahagian dalam sebelah kanan	2	2	4			
Fabrik	:	<i>Lorrent</i>																	
Warna	:	Biru Gelap (<i>Dark Blue</i>)																	
Spesifikasi	:	Poket di kedua-dua belah sisi dan dua dibahagian belakang.																	
	:	Saku kecil dijahit dibahagian dalam sebelah kanan																	
7	<p>Pemandu Lif</p> <p>Bush Jacket Lengan Pendek</p> <table border="1"> <tr> <td>Fabrik</td><td>:</td><td><i>Lorrent</i></td></tr> <tr> <td>Warna</td><td>:</td><td>Biru Gelap (<i>Dark Blue</i>)</td></tr> </table>	Fabrik	:	<i>Lorrent</i>	Warna	:	Biru Gelap (<i>Dark Blue</i>)	2	2	4									
Fabrik	:	<i>Lorrent</i>																	
Warna	:	Biru Gelap (<i>Dark Blue</i>)																	

8	Ketua Pengawal Keselamatan		2	2	4
	Seluar Panjang				
	Fabrik : <i>Lorrent</i>				
	Warna : Biru Gelap (<i>Dark Blue</i>)				
	Spesifikasi : Poket di kedua-dua belah sisi dan dua dibahagian belakang : Saku kecil dijahit dibahagian dalam sebelah kanan				
9	Ketua Pengawal Keselamatan		2	2	4
	<i>Bush Jacket Lengan Pendek</i>				
	Fabrik : <i>Lorrent</i>				
	Warna : Biru Gelap (<i>Dark Blue</i>)				
	Spesifikasi : Dengan kemasan aksesori : 2 keping logo Jata Negeri di lengan kiri dan kanan : 2 keping logo dengan perkataan 'KESELAMATAN' di lengan kiri dan kanan				
10	Pengawal Keselamatan (Lelaki)		89	3	267
	Seluar Panjang				
	Fabrik : <i>Lorrent</i>				
	Warna : Biru Gelap (<i>Dark Blue</i>)				
	Spesifikasi : Poket di kedua-dua belah sisi dan dua dibahagian belakang : Saku kecil dijahit dibahagian dalam sebelah kanan				
11	Pengawal Keselamatan (Lelaki)		89	3	267
	Baju Lengan Pendek (<i>Potongan Bush Jacket</i>)				
	Fabrik : <i>Lorrent</i>				
	Warna : Biru Gelap (<i>Dark Blue</i>)				
	Spesifikasi : Saku dikedua-dua sisi : 2 keping logo Jata Negeri di lengan kiri dan kanan : 2 keping logo dengan perkataan 'KESELAMATAN' di lengan kiri dan kanan				

12	Pengawal Keselamatan (Perempuan) Seluar Panjang Fabrik : <i>Lorent</i> Warna : Biru Gelap (<i>Dark Blue</i>) Spesifikasi : Saku di kedua-dua belah sisi	2	2	4
13	Pengawal Keselamatan (Perempuan) <i>Bush Jacket Lengan Pendek</i> Fabrik : <i>Lorent</i> Warna : Biru Gelap (<i>Dark Blue</i>) Spesifikasi : Dengan kemasan aksesori : 2 keping logo Jata Negeri di lengan kiri dan kanan : 2 keping logo dengan perkataan 'KESELAMATAN' di lengan kiri dan kanan	2	2	4

PERHATIAN :

Penyebut harga perlu mengemukakan contoh kain dengan jenama dan warna yang ditawarkan semasa menghantar dokumen sebutharga.

PERINGATAN :

Pakaian yang dibekalkan mestilah dijahit mengikut ukuran badan warga kerja seperti sesi ukur pakaian yang akan dijadualkan kelak. Penyebut harga tidak dibenarkan membekalkan pakaian yang siap jahit (*ready made*).